



PELA GANDONG SEBAGAI PEMANGKIN TOLERANSI ANTARA MUSLIM DAN KRISTIAN DI AMBON

(Pela Gandong as the Enhancer of Tolerance among Muslims and Christians in Ambon)

¹MUALIM

¹JAFFARY AWANG

¹IBRAHIM ABU BAKAR

¹Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Konsep toleransi telah wujud dalam doktrin agama Islam dan Kristian. Walau bagaimanapun, pengamalan sikap toleransi di kalangan masyarakat Muslim dan Kristian merupakan satu cabaran dan perlukan komitmen yang tinggi. Ini kerana terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi hubungan Muslim-Kristian. Fenomena ini berlaku di Ambon, sebuah bandar yang terletak di bahagian timur Indonesia, yang mempunyai komposisi penduduk Muslim dan Kristian pada kadar jumlah yang hampir sama. Dalam tempoh masa yang lama, masyarakat Ambon menjalani kehidupan dengan mesra, harmoni dan sentiasa mengamalkan sikap toleransi. Sikap toleransi masyarakat Ambon, bukan hanya berasaskan kepada pengamalan ajaran agama, tetapi diperkuatkan dengan adat yang dikenali sebagai *pela gandong* (secara bahasa bermakna kesatuan persahabatan – union brotherhood). Berasaskan kepada *pela gandong*, penduduk Ambon akan saling bertoleransi, bekerjasama dan melindungi antara satu dengan yang lain walaupun berbeza agama namun hubungan mereka erat seumpama saudara. Dengan demikian, Ambon kerap kali dijadikan sebagai contoh toleransi antara agama di Indonesia. Akan tetapi konflik yang berlaku antara penduduk Muslim dan Kristian di Ambon pada tahun 1999 menimbulkan banyak tanda tanya di kalangan pengamat sosial berhubung dengan kesan *pela gandong*. Keharmonian antara kedua-dua penganut agama bertukar menjadi peperangan, pembunuhan dan pembakaran tempat-tempat ibadah, serta kemudahan awam lainnya.

Kata Kunci: *Pela Gandong*, toleransi agama, hubungan Muslim dan Kristian, Ambon

Corresponding author: Mualim, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Mel-e: alimjava@gmail.com

Disenahkan: 5 September 2012

Diterima: 1 November 2013





ABSTRACT

The concept of tolerance exists in the doctrines of Islam and Christianity. However the application of tolerance attitudes among Muslim and Christian communities is a challenge and needs higher commitment. This is due to many factors influencing the Muslim and Christian relationship. This phenomenon has occurred in Ambon, the city located in the eastern part of Indonesia, occupied by Muslims and Christians whose composition is almost equal in their numbers. Within a long period, the peoples of Ambon had practiced tolerance and lived harmoniously and agreeably. Their tolerance was not solely based on the religious teachings but enhanced by the tradition known as Pela Gandong, linguistically means union of brotherhood. Based on Pela Gandong, the peoples of Ambon had been tolerant, cooperative and protective among them although they were religiously different but their relationship as if they were brothers. Consequently Ambon had always been regarded as a good example of the religious tolerance in Indonesia. However the conflict took place between Muslims and Christians in Ambo in 1999 and many questions propped up among the social observers in connection with Pela Gandong. The harmony between these two adherents of religions turned into wars, killings and burnings of the worshipping places and public facilities.

Keywords: Pela Gandong, religious tolerance, Christian-Muslim relation, Ambon

PENDAHULUAN

Konsep toleransi wujud dalam doktrin setiap agama, termasuklah di dalam agama Islam dan Kristian. Namun, bukan perkara mudah untuk mengamalkan konsep tersebut dalam kehidupan sehari-hari. Sebaliknya kerap kali ditemui tindakan-tindakan yang menggambarkan sikap tidak saling bertoleransi antara penganut kedua-dua agama.

Hubungan antara Muslim dan Kristian sentiasa mengalami pasang surut dari semasa ke semasa. Sejarah hubungan kedua-dua penganut agama tersebut kerap kali diwarnai dengan pelbagai konflik. Peristiwa perang Salib, penjajahan ke atas negara-negara Islam oleh Eropah dan perpindahan orang-orang Islam ke Eropah, telah membuat masyarakat Barat yang umumnya Kristian menjadi kuarir. Masyarakat Barat yang kebanyakannya kurang faham tentang kebudayaan Islam telah menyebabkan keadaan ketegangan menjadi semakin teruk lagi. Dalam konteks ini Islam dianggap seteru kepada kebudayaan, agama dan masyarakat Barat. Islam menjadi ancaman terhadap Blok Barat dan oleh kerana Barat dihubungkan dengan Kristian, maka Islam dianggap sebagai seteru kepada Kristian (Mortimer 1999).

Tambahan lagi, masyarakat Barat yang umumnya beragama Kristian sering mendakwa Islam sama dengan penganas atau disebut sebagai "terrorism". Ketakutan yang berlebihan atau "Islamophobia" ditambah pula dengan pandangan negatif mengenai Islam menyebabkan persepsi masyarakat Barat seolah-olah sukar bagi seorang Kristian





untuk menjalani kehidupan secara mesra dan saling bertoleransi dengan umat Islam. Selain itu, terdapat persepsi bahawa Muslim dan Kristian sukar untuk hidup bersama di satu kawasan (Stevens 2006).

Pandangan umum seperti di atas tidak selalunya benar. Di beberapa buah negara, terutamanya negara yang majoriti penduduknya Muslim, toleransi antara penganut berbeza agama khususnya Muslim dan Kristian berada pada keadaan yang cukup baik. Di Indonesia umpamanya, sejak sekian lama masyarakat Muslim dan Kristian menjalani kehidupan dengan penuh kemesraan. Indonesia merupakan negara berbilang kaum dengan jumlah penduduk melebihi 220 juta. Berpandukan kepada Pancasila, negara Indonesia membolehkan setiap penduduknya menganuti salah satu daripada enam agama yang dibenarkan kerajaan iaitu Islam, Kristian (Protestan), Katolik, Hindu, Buddha mahupun Konfusius (Steven 2006). Dalam tempoh yang sekian lama, para penganut pelbagai agama boleh saling menghargai dan bertoleransi antara satu sama lain.

Contoh pengamalan sikap saling bertoleransi antara Muslim dan Kristian boleh ditemui di Ambon, satu bandar yang merupakan pusat pentadbiran negeri Maluku, yang terletak di bahagian timur Indonesia. Di Ambon bilangan penganut Muslim dan Kristian hampir sama. Namun kedua-dua penganut agama tersebut boleh hidup bersama, saling menghargai, tolong-menolong, rukun damai dan saling bertoleransi antara satu sama lain. *Pela gandong* sebagai ajaran budaya yang mereka yakini dan diamalkan secara turun temurun merupakan ajaran yang menjadikan Muslim dan Kristian boleh hidup saling menghargai seperti saudara kandung (Yusnar 2004). Malah boleh dikatakan disebabkan oleh sistem *pela gandong* tersebut, pertentangan atau konflik antara Muslim dan Kristian jarang berlaku. Kerjasama antara keduanya jelas dalam mana mereka kalangan ahli *pela* menyumbangkan tenaga, bahan binaan, wang atau makanan dan lainnya dalam projek pembinaan gereja, masjid dan sekolah (Yusnar 2004). Dari sudut kehidupan beragama, masyarakat Ambon memiliki tahap kerukunan dan toleransi yang secara relatifnya sangat tinggi. Ini boleh dilihat pada kegiatan-kegiatan keagamaan yang kerap dijalankan secara bersama, baik oleh Muslim mahupun Kristian (Widiyanto & Gurning 1997).

Namun, di sebalik wujudnya hubungan yang rukun dan damai antara Muslim dan Kristian, pada tahun 1999 berlakunya konflik secara mengejut di Ambon melibatkan Muslim dan Kristian. Ekoran daripada konflik tersebut, hubungan antara kedua-dua komuniti berbeza agama terjejas, lebih dari 127 masjid dan surau dibakar, lebih 24 gereja dibakar dan dilaporkan lebih 1000 orang mangsa mati (Kastor 2000). Meskipun konflik tersebut melibatkan Muslim dan Kristian tetapi ramai para pengkaji dan tokoh masyarakat yang meragui terhadap dakwaan punca konflik akibat perbezaan agama. Ini kerana, selama ini tidak pernah berlaku konflik antara masyarakat Muslim dan masyarakat Kristian di Ambon. Sebaliknya, terdapat faktor-faktor lain yang didakwa sebagai punca berlakunya konflik seperti isu ekonomi hinggak ada yang mendakwa kerana angkara pihak berkepentingan hingga mewujudkan suasana kacau-bilau (Syihab 1999). Dakwaan ini diperkuatkan lagi apabila didapati semasa konflik, terdapat sekumpulan penduduk Muslim dan Kristian yang saling melindungi antara satu dengan yang lain. Sungguhpun demikian, konflik antara





masyarakat Muslim dan masyarakat Kristian di Ambon tetap menjadi masalah besar serta meninggalkan kesan mendalam terhadap hubungan serta toleransi antara kedua-dua penganut agama tersebut. Dengan demikian rencana ini bermaksud untuk mengkaji tahap toleransi antara Muslim dan Kristian di Ambon yang berasaskan kepada sistem *pela gandong*. Persoalan-persoalan yang timbul, bagaimana konflik tersebut boleh berlaku sedangkan sikap toleransi berasaskan *pela gandong* sedia terjalin sekian lama? Di manakah letaknya kesedaran *pela gandong* di dalam masyarakat Ambon semasa konflik tersebut berlaku? Untuk merungkai persoalan ini, terlebih dahulu penulis membincangkan konsep toleransi.

PENGERTIAN DAN ASPEK TOLERANSI

Secara bahasa perkataan toleransi berasal dari bahasa Latin *tolerantia* (Khareng 2011). Dalam bahasa Inggerisnya dikenali sebagai *tolerance* yang bererti kesabaran atau bersikap sabar (Hawkins 2004). Toleransi juga bermakna sedia menghormati atau menerima pendapat orang lain yang berbeza daripada pendapat (pendirian dan sebagainya) sendiri (Kamus Dewan 2002).

Dalam bahasa Arab, perkataan yang kerap digunakan bagi menyebut istilah toleransi ialah *tasamuh*, yang bererti sikap membiarkan atau berlapang dada (Hasyim 1979). Perkataan *tasamuh* dalam Islam pula tidak semata-mata *tolerance* kerana *tasamuh* bermakna memberi dan juga mengambil atau menerima, tidak sahaja mengharapkan satu pihak memberi dan yang lain itu menjadi negatif (Jaffary et. al 2003). Menurut Umar Hasyim toleransi bermaksud pemberian kebebasan kepada sesama manusia atau kepada sesama warga masyarakat untuk menjalankan keyakinannya atau mengatur hidupnya dan menentukan nasibnya masing-masing, selagi mana ianya tidak melanggar dan tidak bertentangan dengan syarat-syarat asas terbinanya ketertiban dan perdamaian dalam masyarakat (Hasyim 1979). Ini bermakna bahawa toleransi bukan bererti pemberian kebebasan secara mutlak tetapi adanya had dan syarat asas yang mesti dipenuhi yakni bagi terbinanya ketertiban dan perdamaian dalam masyarakat.

Suatu petanda bahawa toleransi itu telah wujud dalam satu individu atau sesebuah kumpulan masyarakat ialah apabila wujud aspek-aspek seperti berikut (Hasyim 1979):

- i. Mengakui hak setiap orang, iaitu suatu sikap mental yang mengakui hak setiap orang di dalam menentukan perilaku dan nasib masing-masing. Sudah tentu sikap dan perilaku tersebut tidak melanggar hak orang lain, kerana apabila berlaku perkara sedemikian maka kehidupan masyarakat akan menjadi kacau-bilau.
- ii. Menghormati keyakinan orang lain, iaitu sikap tidak memaksa kehendak atau keyakinan dan agamanya sendiri kepada orang lain.
- iii. Setuju di dalam perbezaan iaitu sikap memaklumi wujudnya perbezaan, sebab ianya akan selalu wujud di dunia ini. Walau bagaimanapun perbezaan tidak seharusnya menimbulkan pertentangan dan permusuhan.





- iv. Saling mengerti, iaitu sikap saling memahami pihak lain. Sikap ini akan melahirkan wujudnya sikap saling hormat menghormati antara satu dengan yang lain di dalam masyarakat.
- v. Kesedaran dan kejujuran iaitu melibatkan sikap jiwa dan kesedaran batin seseorang. Kesedaran jiwa melahirkan kejujuran dan ketelusan tingkah laku.

Kesemua aspek di atas merupakan sebahagian daripada amalan toleransi. Semua ciri-ciri tersebut perlu wujud di dalam sesebuah kumpulan atau masyarakat apabila mereka ingin mewujudkan sikap toleransi.

ADAT PELA GANDONG DAN TOLERANSI DI AMBON

Ambon adalah sebuah bandar yang terdiri dari penduduk yang berbilang agama. Kebanyakan penduduk Ambon menganut agama Islam dan Kristian di mana peratusan penduduk Muslim dan Kristian hampir sama. Bilangan penganut Kristian Protestant di Ambon berjumlah 53.5%, penganut Islam seramai 41%, penganut Kristian Katolik berjumlah 5.26%, penganut Hindu seramai 0.09% dan 0.05% terdiri dari penganut Buddha. Di samping berbilangnya agama, penduduk Ambon juga terdiri daripada pelbagai kaum yang dapat dikategorikan kepada kalangan penduduk tempatan iaitu Melayu Ambon dan pendatang dari luar Ambon yang terdiri dari etnik Jawa, Bugis, Toraja, Manado, Padang, Flores, Batak, Buton, Pontianak, Cina dan keturunan Arab (Widiyanto & Gurning 1997).

Dalam tradisi masyarakat Ambon, perikatan *pela gandong* merupakan entiti sosial yang penting. Perikatan ini sudah begitu kuat dan sehati dalam budaya kehidupan masyarakat Ambon. *Pela gandong* merupakan nilai yang berperanan penting dalam membina dan mempertingkatkan kerukunan dan toleransi antara Muslim dan Kristian di Ambon (Attamimy 2012).

Dari sudut bahasanya "*pela*" berasal dari perkataan "*pelau*" yang bererti saudara lelaki. Istilahnya "*pela*" bermaksud ikatan persahabatan atau persaudaraan antara penduduk dua kampung atau lebih yang dicetuskan oleh generasi terdahulu yang menggariskan hak-hak dan kewajiban yang perlu dilakukan oleh ahli-ahli (Cooley 1987). Menurut Attamimy (2012) *pela* juga bermakna perjanjian (antara dua kampung atau lebih) untuk mewujudkan sikap saling kasih mengasihi seumpama saudara kandung. Adapun perkataan "*gandong*" secara bahasa bererti kandungan atau rahim (ibu). Secara istilah "*gandong*" bermaksud ikatan persahabatan antara beberapa individu atau beberapa kampung kerana mendakwa berasal dari keturunan (ibu) yang sama (Huliselan & Dlm. Karel Albert Ralahalu 2012).

Pela dan *gandong* sebenarnya merupakan dua istilah yang berbeza. Antara kedua istilah berkenaan juga mempunyai makna dan sejarahnya yang berbeza. Perikatan *pela* diasaskan kepada perjanjian antara dua kampung atau lebih yang dilakukan oleh generasi terdahulu dan diwarisi oleh keturunan mereka. Sedangkan perikatan *gandong* dibina berdasarkan kepada ikatan geneologi iaitu dari keturunan yang sama (Basalamah 2006).





Namun kedua-dua istilah tersebut kerap kali digabungkan menjadi satu perkataan iaitu *pela gandong* oleh masyarakat Ambon (Attamimy 2012).

Ajaran *pela gandong* tidak memandang perbezaan agama dan kaum. Perbezaan agama diterima sebagai suatu realiti kehidupan bagi membina hidup bersama secara rukun dan damai seperti orang "basudara" (masyarakat bersaudara) yang saling hormat-menghormati, bantu-membantu dan saling mengutamakan kepentingan masing-masing (Attamimy 2012). Dalam banyak kes, *pela gandong* berlaku antara kampung Muslim dan Kristian. Penduduk kampung-kampung yang telah terikat dengan perjanjian *pela gandong* akan saling menghormati, saling menghargai, tolong menolong dan saling melindungi tanpa memandang agama, sama ada dalam keadaan senang mahupun susah (Huliselan & Dlm. Karel Albert Ralahalu 2012).

Ikatan *pela* yang diasaskan oleh generasi terdahulu merupakan persepakatan antara satu kampung dengan satu kampung yang lain. Perikatan tersebut biasanya akan diabadikan dalam pelbagai nyanyian dan legenda. Penyebab berlakunya perikatan *pela* boleh jadi berbeza-beza antara satu kampung dengan kampung yang lain, antaranya ialah untuk (Bartels 1977):

- i. mengelak berlakunya pergaduhan;
- ii. mengukuhkan hubungan kekeluargaan;
- iii. mewujudkan perjanjian damai ;
- iv. membina persahabatan; atau
- v. mempertingkatkan perniagaan bersama.

Kesepakatan yang terhasil dari satu perjanjian *pela*, biasanya dimaklumkan dalam satu upacara adat, di mana penduduk dari kampung-kampung yang menyertai perikatan tersebut mengambil bahagian di dalam melakukan upacara sumpah. Ini merupakan sumpah yang cukup kuat, di mana kebiasaannya amalan ini disertai dengan kutukan yang menakutkan mengikut keyakinan masyarakat Ambon. Seterusnya mereka akan menyimpan sumpah perikatan tersebut (Bartels 1977).

Dalam masyarakat Ambon dikenali wujud tiga jenis *pela*, iaitu *pela keras*; *pela gandong* atau *pela bungso*; dan *pela tempat sirih*. *Pela keras* wujud kerana berlakunya satu peristiwa yang sangat penting, biasanya berhubung kait dengan peperangan yang mengakibatkan pertumpahan darah, peperangan yang tiada sesiapa pihak yang memenangi, atau bantuan khas daripada satu kampung kepada kampung lain. *Pela jenis kedua* (*pela gandong* atau *pela bungso*) muncul kerana wujudnya ikatan keturunan, yakni satu atau lebih daripada mata rumah (kesatuan penduduk) dalam kampung-kampung yang terlibat dalam *pela berkenaan*, mendakwa diri mereka sebagai berasal dari satu keturunan. *Pela tempat sirih* pula dijalankan selepas sesuatu peristiwa yang tidak begitu penting berlangsung, umpamanya, memulihkan perdamaian semula selepas suatu kes kecil atau selepas sebuah kampung berjasa atau berbuat baik terhadap kampung lain. *Pela jenis ketiga* ini juga ditetapkan bagi memudahkan hubungan perniagaan (Bartels 1977).





ASAS PELA

Perikatan pela dipandang sebagai satu ikatan persaudaraan antara semua penduduk kampung yang berlangsung secara berterusan dan dianggap suci. Terdapat 4 perkara asas yang menjadi dasar daripada perikatan pela, iaitu (Attamimy 2012):

- i. Kampung-kampung yang merupakan ahli pela wajib untuk saling membantu terutamanya semasa darurat (misalnya, berlaku bencana alam, peperangan, dan sebagainya).
- ii. Jika diminta, maka penduduk kampung tersebut wajib memberi bantuan kepada penduduk kampung lain yang hendak membina projek-projek bagi kepentingan awam, seperti pembinaan gereja, masjid dan sekolah.
- iii. Jika seseorang ahli pela melawat kampung ahli pela berkenaan, penduduk kampung tersebut wajib memberi makanan kepadanya, seorang tamu daripada sesama ahli pela tidak perlu meminta izin apabila ingin membawa balik makanan hasil kebun atau pertanian mengikut kesukaannya.
- iv. Semua penduduk kampung ahli pela dianggap sebagai sebuah keluarga (satu keturunan). Oleh itu, dua orang (lelaki dan perempuan) sesama ahli pela tidak dibenarkan untuk berkahwin.

Setiap pelanggaran terhadap peraturan itu akan dihukum keras oleh nenek moyang yang mengikrarkan pela tersebut. Contoh-contoh hukuman pela antaranya ialah sakit, mati dan penderitaan-penderitaan lain yang akan menimpa pelaku mahupun keluarganya. Adapun orang yang melanggar larangan berkahwin, maka akan ditangkap dan diarahkan untuk berjalan berkeliling kampung, dengan hanya mengenakan pakaian terbuat dari dedaun kelapa, sementara penduduk kampung akan mencela mereka. Walau bagaimanapun untuk jenis pela sirih, pelaksanaannya tanpa disertai dengan sumpah, hanya dengan cara bertukar daun sirih atau memakannya secara bersama-sama. Ia merupakan satu kebiasaan adat untuk mempereratkan persahabatan antara orang yang tidak saling mengenali antara satu sama lain. Sememangnya pela tempat sirih tersebut sebenarnya merupakan satu perjanjian persahabatan. Perkahwinan sesama ahli pela jenis ini adalah tidak dilarang. Demikian pula tolong menolong antara sesama ahlinya secara sukarela dan tidak diwajibkan. Oleh itu pelanggaran terhadap pela jenis ini pun juga tidak dikenakan ancaman dan hukuman (Bartels 1977).

PANAS PELA

Supaya pela itu tetap hidup dan supaya generasi muda sedar akan kewajipan mereka, banyak kampung-kampung yang merupakan ahli pela menjalankan upacara yang digelar sebagai 'panas pela'. Pada masa itu, penduduk dari kampung yang terbabit berkumpul bersama selama satu minggu dalam salah satu kampung bagi merayakan hubungan persatuan mereka dengan memperbaharui sumpahnya. Pada masa yang sama, mereka juga bergembira dengan menyanyi dan menari (Bartels 1977).





Dalam beberapa perikatan, *pela* dipanaskan secara berkala, misalnya setiap empat sehingga tujuh tahun. Wujud pula *pela* yang dipanaskan setiap satu generasi sekali. Walau bagaimanapun, dalam beberapa kes, wujud pula *pela* yang tidak aktif selama berpuluh tahun, atau bahkan semenjak ditubuhkan. Sebuah perikatan *pela* dipanaskan ketika kampung-kampung yang menyertai merasa bahawa perikatan ini dalam bahaya tenggelam dilupakan, atau terancam oleh pengaruh negatif dari luar. Namun perikatan *pela* juga boleh dipanaskan semasa berlaku kemelesetan ekonomi atau rusuhan sosial (Bartels 1977).

Sistem *pela* sepertimana dihuraikan di atas masih wujud dan memainkan peranan penting di Ambon serta kawasan-kawasan lain di Maluku. Disebabkan oleh semangat persatuan dan identiti bersama, disadari dan dihayati dengan kuat, upacara-upacara pembaharuan *pela* masih kerap berlangsung (Attamimy 2012). Semenjak perang dunia II sebilangan *pela* baru telah ditubuhkan oleh masyarakat Ambon, bahkan kerap kali diamalkan oleh penduduk Muslim dan Kristian sebagai usaha bagi menguatkan hubungan antara kedua-dua komuniti. Malah boleh dikatakan disebabkan oleh sistem *pela* tersebut, pertentangan atau konflik antara Muslim dan Kristian jarang berlaku, hal mana sangat berbeza dengan keadaan hubungan kedua-dua penganut agama di tempat-tempat lain di muka bumi. Sebagai realiti, banyak gereja, masjid dan sekolah yang dibina kerana bantuan dari para ahli *pela* yang telah menyumbangkan tenaga, bahan binaan, wang atau makanan dan lainnya sehingga binaan-binaan tersebut berjaya dibina meskipun tanpa sebarang bantuan dari pihak kerajaan.

Contoh lain daripada toleransi dan kerukunan masyarakat Ambon berlaku semasa perayaan hari kebesaran agama. Umpamanya, dalam bulan Disember 1998, di mana penganut Kristian merayakan Christmas, sementara umat Muslim sedang menjalankan ibadah puasa. Meskipun berlaku pada waktu yang sama, masing-masing penganut agama menjalankan aktiviti mereka dengan rasa aman, selesa dan saling bertoleransi. Kalangan Muslim menziarahi keluarga Kristian bagi mengucapkan Selamat Hari Christmas dan Tahun Baru sementara penganut Kristian mengucapkan Selamat Aidil Fitri. Pergaulan masyarakat dan sikap saling menghormati seperti ini telah lama wujud di Ambon semenjak dahulu, sebagai bukti daripada adat *pela gandong* yang telah diajar oleh generasi sebelumnya (Yusnar 2004).

Kehidupan beragama masyarakat Ambon memiliki tahap toleransi yang tinggi. Hal ini boleh dilihat pada kegiatan-kegiatan keagamaan yang kerap dijalankan secara bersama antara masyarakat Muslim dan Kristian. Kerukunan dan toleransi tersebut juga didorong oleh wujudnya pelbagai kemudahan tempat beribadah yang didirikan di kawasan penempatan penduduk (Widiyanto & Gurning 1997). Berdasarkan kepada realiti sebegini, maka adalah sangat munasabah jika Ambon kerap kali dijadikan sebagai contoh toleransi antara agama, khasnya hubungan antara Muslim dan Kristian di Indonesia (Shihab 1999).





KONFLIK AMBON TAHUN 1999 DAN KESANNYA TERHADAP TOLERANSI

Dalam tahun 1999 telah berlaku konflik secara mengejut yang melibatkan Muslim dan Kristian di Ambon. Toleransi dan kemesraan hubungan antara penganut kedua-dua agama yang telah lama terbina terjejas, berlakunya pergaduhan, kerosakan dan pembunuhan yang sangat kejam. Penempatan penduduk, sekolah, kenderaan awam dan pasar dibakar. Malahan, kebanyakan masjid dan gereja juga dirobohkan. Kesannya beratus ribu penduduk Ambon keluar bagi menyelamatkan diri. Dilaporkan lebih dari 1000 mangsa mati, lebih dari 127 masjid dan surau dibakar serta lebih 24 gereja dibakar akibat konflik berkenaan (Kastor 2000).

Ramai para tokoh masyarakat dan sarjana agama yang terkejut dengan konflik berkenaan kerana selama ini Ambon dikenali sebagai kawasan di mana hubungan antara Muslim dan Kristian terjalin secara baik. Malahan, Ambon kerap kali dijadikan sebagai contoh kemesraan hubungan antara Muslim dan Kristian di Indonesia (Shihab1999). Pelbagai andaian berkaitan punca konflik di Ambon telah dibuat oleh para pengkaji dan tokoh masyarakat. Sebahagian tokoh berpendapat bahawa konflik tersebut adalah merupakan konflik agama antara Muslim dan Kristian. Sementara itu, wujud pula pandangan yang menyatakan bahawa konflik tersebut bukan merupakan konflik agama tetapi faktor politik.

Pihak yang berpendapat bahawa konflik Ambon merupakan konflik agama berhujah kepada fakta-fakta yang diperoleh berdasarkan tinjauan yang dijalankan di Ambon bahawa wujud penganiayaan dan pembunuhan secara kejam yang dilakukan oleh penganut Kristian terhadap umat Muslim di situ. Mengikut pandangan mereka kebencian penganut Kristian terhadap umat Islam menyebabkan mereka bertindak untuk melakukan '*moslem cleancing*' (*pembersihan umat Muslim*) di Ambon. Kebencian tersebut telah diwarisi daripada para penjajah yang anti Islam (Jaiz 1999). Dalam hal ini orang-orang Kristian telah bekerjasama dengan tokoh-tokoh gerakan Republik Maluku Selatan (RMS), iaitu satu pertubuhan haram yang ingin memisahkan diri dari negara Republik Indonesia, bagi menghancurkan umat Muslim di Ambon (Kastor 2000).

Adapun pihak yang berpendapat bahawa konflik Ambon bukan merupakan konflik agama berhujah kepada realiti hubungan antara Muslim dan Kristian di Ambon selama ini telah terbina secara mesra dan saling bertoleransi dalam tempoh yang cukup lama. Jika konflik di Ambon puncanya adalah faktor agama, maka semestinya konflik tersebut telah berlaku sejak dahulu lagi. Walau bagaimanapun, realitinya interaksi antara Muslim dan Kristian di Ambon sudah diketahui sejak dulu lagi dalam pengertian yang positif, iaitu kerjasama antara masyarakat Ambon tanpa membezakan agama. Sebelum peristiwa konflik tersebut, tidak pernah berlaku ketegangan antara Muslim dan Kristian di Ambon. Namun, semasa konflik berlaku, isu agama sengaja dikaitkan. Ini kerana, isu agama merupakan isu sensitif yang boleh membangkitkan kemarahan masyarakat. Malahan, isu tersebut lebih sensitif berbanding isu perkauman. Realitinya, kaum Bugis dan Buton (kaum pendatang yang tinggal di Ambon) sudah lama menetap di Ambon, namun tidak pernah berlaku konflik, apatah lagi yang mengakibatkan pertumpahan darah. Oleh itu, mengikut pandangan mereka,





berlakunya konflik di Ambon telah berpunca dari pelbagai faktor lain terutamanya faktor politik. Konflik di Ambon (dan konflik-konflik yang juga berlaku dalam masa yang hampir sama di kawasan-kawasan lain Indonesia) terjadi selepas Presiden Soeharto berundur dan seterusnya digantikan oleh Habibie. Keadaan kacau-bilau (*chaos*) di Ambon sengaja dicipta bagi menunjukkan kelemahan pihak kerajaan (di bawah kepimpinan Presiden Habibie) di dalam menangani pelbagai persoalan bangsa. Matlamat utamanya ialah untuk legitimasi pemerintahan Habibie yang berkuasa ketika itu (Shihab 1999).

Konflik politik di Ambon, sebenarnya sudah bermula semenjak pertengahan tahun 1980-an dan tahun 1990-an, ketika pemerintahan Soeharto selaku Presiden Indonesia pada masa itu mengubah polisi kerajaan dengan mendekati kelompok Islam bagi memberi sokongan politik terhadap kerajaan yang diterajunya. Menerusi program *transmigrasi* (pindahan penduduk dari satu negeri ke negeri lain), Soeharto telah menghantar ramai penduduk Muslim dari Jawa dan Sulawesi untuk terus menetap di Ambon. Keadaan demikian telah menyebabkan penganut Kristian termasuk di Ambon merasa khuatir kedudukan mereka sebagai pegawai kerajaan akan diambil alih oleh orang-orang Muslim, sehingga akhirnya mereka akan terpinggir (Bertrand 2002). Kekhuatiran ini cukup munasabah memandangkan bilangan penduduk Muslim di Ambon menjadi semakin meningkat. Selepas Soeharto jatuh dalam tahun 1997 dan digantikan oleh Habibie (yang dipandang sebagai wakil kekuatan Islam memandangkan Habibie dikenali sebagai seorang muslim yang taat), maka masyarakat Kristian Ambon merasa terancam semula (Chaidar 1999).

John Piers (2004) mempunyai pandangan berbeza berkaitan konflik di Ambon dan hubungannya dengan toleransi Muslim dan Kristian di sana. Menurut Piers, budaya *pela gandong* yang merupakan ikatan penting yang menyatukan Muslim dan Kristian di Ambon dalam ikatan persaudaraan telah semakin renggang semenjak Indonesia mencapai kemerdekaan. Selepas kemerdekaan Indonesia (tahun 1945) kerajaan pusat telah membuat satu polisi bagi menyeragamkan bentuk pentadbiran kerajaan-kerajaan negeri yang berada di bawah wilayah kekuasaan Negara Kesatuan Republik Indonesia menerusi sistem demokrasi, politik dan perundangan. Polisi penyeragaman tersebut secara tidak langsung telah menyebabkan masyarakat menyetepikan budaya tempatan yang telah mereka amalkan selama ini (Piers 2004). Ekoran itu, masyarakat meninggalkan sistem yang selama ini telah wujud dan dianggap baik. Seterusnya muncul pula sistem baru yang secara langsung masyarakat terpaksa melaksanakannya. Akibatnya, masyarakat yang berpegang teguh pada adat menjadi terpinggir dan mundur (marginal) dari segi politik, ekonomi, sosial mahupun budaya tempatan (Piers 2004).

Pada masa yang sama, proses akulturasi budaya terjadi secara tidak normal, kerana akar-akar budaya tempatan telah dirosakkan oleh polisi kerajaan pusat yang tidak lagi memberikan ruang yang cukup untuk perkembangan nilai adat dan sistem sosial masyarakat tempatan. Selain itu, masuknya etnik (kaum) pendatang dan menetap di Ambon yang biasanya tidak mahu turut serta secara aktif dengan masyarakat setempat turut menjadi punca kerosakan budaya tempatan. Keadaan demikian menjadi semakin teruk apabila didapati bahawa ramai golongan muda Ambon yang meninggalkan kampung mereka ke bandar-





bandar lain di Indonesia kerana pelbagai kepentingan (seperti belajar, mencari pekerjaan, berniaga, dan lain-lain). Keadaan tersebut akhirnya menyebabkan adat masyarakat Ambon termasuk sistem *pela gandong* secara perlahan-lahan menjadi terhakis. Hal tersebut nampak ketara dalam kurun selepas tahun 1994-an. Akibatnya, semasa konflik berlangsung (kerana pelbagai faktor, seperti dikemukakan ramai pengkaji) sistem adat *pela gandong* tidak lagi berupaya untuk mencegahnya (Piers 2004).

Justeru itu, pelbagai usaha telah dijalankan untuk menyelesaikan konflik di Ambon, sama ada oleh pihak kerajaan, tokoh-tokoh agama mahupun badan-badan bukan kerajaan atau NGO. Dalam bulan Februari 2002, kerajaan Indonesia telah menjalankan inisiatif untuk mempertemukan 70 orang perwakilan daripada pihak Muslim dan Kristian di bandar Malino bagi membincangkan langkah penyelesaian untuk menamatkan konflik tersebut. Akhirnya kedua-dua pihak menandatangani kesepakatan untuk menghentikan segala konflik yang berlaku (Piers 2004). Selepas itu, usaha-usaha lain terus dijalankan bagi mengembalikan kerukunan dan toleransi antara Islam dan Kristian di Ambon. Mulai dari dialog antara agama, bengkel, pertemuan tokoh dan lainnya. Kesedaran tentang sistem *pela gandong* kembali dipupuk di kalangan penduduk Ambon. Di beberapa negeri, melaksanakan kembali upacara panas *pela* bagi memperbaharui sumpah dan perjanjian di antara mereka. Secara perlahan-lahan keadaan di Ambon semakin pulih. Penduduk yang keluar meninggalkan kampungnya akibat konflik kini kembali ke kampung masing-masing. Aktiviti-aktiviti sosial, ekonomi dan agama telah berjalan seperti biasa. Dalam satu laporan disebutkan penganut Kristian bekerjasama dengan umat Islam dalam menganjurkan program berbuka puasa bersama di bulan Ramadhan.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan tersebut jelas menunjukkan toleransi antara Muslim dan Kristian di Ambon dari sudut amalan adatnya mereka berada dalam keadaan yang harmoni. Ikatan ini diperkukuhkan dengan ikatan *pela gandong*. Ikatan ini menunjukkan pakatan dan hubungan yang dibentuk berasaskan kepada adat dan kebiasaan menjadi faktor penentu kepada kemajuan dan kekuatan masyarakat. Kefahaman dan rasa hormat menghormati wajar dihayati oleh kalangan masyarakat meskipun berbeza agama. Ikatan adat *pela gandong* sempat mengalami keterhakis terutama selepas diberlakukannya penyeragaman budaya oleh kerajaan pusat serta ketibaan para pendatang yang cenderung tidak mahu berbaur dengan masyarakat Ambon. Walau bagaimanapun, berlakunya konflik dalam tahun 1999 memberi pengajaran penting bagi masyarakat Ambon, sehingga kesedaran mereka terhadap sistem adat *pela* menjadi pulih semula.





RUJUKAN

- Attamimy, H.M. 2012. *Djoko Santosa merajut harmoni di bumi Raja-Raja*. Yogyakarta: Aynat Publishing.
- Bartels, 1977. *Guarding the invisible mountain; intervillage alliances, religious syncretism and ethnic identity among Ambonese Christian and Moslem in the Mullucas*. Phd Thesis Cornell University Ithaca.
- Basalamah, Hadi. 2006. *Pemikiran tentang interaksi sosial salam-sarane dalam membangun kerukunan antaraumat beragama pascakonflik di kota Ambon*. Disertasi Sarjana. Program Pasca Sarjana, Universitas Islam Negeri (IAIN) Alauddin Makasar.
- Bertrand, Jacques. 2002. *Legacies of The Autoritarian Past: Religious Violence in Indonesia's Moluccan Island*. T.TP: University of Columbia Pasific Affairs.
- Chaidar, AL. 1999. *Islam di Ambon: Ekspresi Ketakutan Kaum Nasrani*. Jakarta: Darul Falah.
- Cooley, F.L. 1973. *Persentuhan budaya di Maluku Tengah 1475-1675*. Dalam. Paramita R Abdurrahman, et.al. *Bunga Rampai Sejarah Maluku I*. Jakarta: Pusat Dokumentasi Ilmiah Nasional – LIPI.
- Hasyim, Umar. 1979. *Toleransi dan Kemerdekaan Beragama dalam Islam sebagai Dasar Menuju Dialog Kerukunan antar Agama*. Surabaya: PT Bina Ilmu.
- Hawkins, J. M. 2008. *Kamus Dwi Bahasa Oxford Fajar* ed. ke-4. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Huliselan, Mus. 2012. *Mengenal kembali budaya “rukun” orang Maluku*. Dlm. Karel Albert Ralahu. *Berlayar Dalam Ombak Berkarya bagi Negeri Pemikiran Anak Negeri untuk Maluku*. Ambon: Ralahu Institut.
- Jaffary Awang. 2003. *Toleransi agama dan perpaduan kaum: Respon intelek Malaysia*. Dlm. Jaffary Awang, Mohd Nasir Omar, Muda @ Ismail Ab. Rahman (pnyt.), *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*, hlm. 76-92. Kuala Lumpur: Malindo Printers Sdn.Bhd.
- Jaiz, Hartono Ahmad. 1999. *Ambon Bersimbah Darah*. Jakarta: Dea Press.
- Kastor, Rostam. 2000. *Konspirasi Politik RMS dan Kristen Menghancurkan Umat Islam di Ambon-Maluku*. Yogyakarta: Wihdah Press.
- Kamus Dewan*. 2002. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.





Pela Gandong Sebagai Pemangkin Toleransi antara Muslim dan Kristian di Ambon

- Khareng, Mutsalim. 2011. Interaksi antara Islam dan Budha di Patani dan Impaknya terhadap Pembentukan Sikap Toleransi Beragama. Thesis Sarjana. Fakultas Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mortimer, E. 1999. Christianity and Islam, Dlm. *International Affairs* 67(1) Jan.
- Piers, J. 2004. *Tragedi Maluku Sebuah Krisis Peradaban*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Shihab, Alwi. 1999. Monumen kerukunan agama yang hancur. *Republika*, 7 May.
- Stevens, K. L. 2006. *Hubungan antara Orang Kristen dan Islam di Indonesia, Studi Kasus: Universitas Muhammadiyah Malang*. Malang: Universitas Muhammadiyah Malang.
- Waardenburg, J. 2000. Muslim and Christian: changing identities, Dlm. *Islam & Christian Muslim Relations*. vol. 11, Julai.
- Widiyanto, T. S. & Gurning, T. E. 1997. *Pengetahuan, Sikap, Kepercayaan dan Perilaku Generasi Muda di Ambon*. Jakarta: CV Eka Dharma.
- Yusnar, Yusuf. 2004. *Prasangka Beragama: Implikasi konflik sosial di Ambon atas Relasi Keberagamaan di Indonesia*. Jakarta: Penamadani.

